

TARIKH	3 / 11 / 2016	SEKSYEN	
MUKA SURAT	51	RUANGAN	NIAGA

TH mampu penuhi kewajipan

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (TH) menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa ia tidak berkeupayaan untuk membayar semula pendeposit jika mereka mengeluarkan simpanan sekali gus.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Johan Abdullah berkata, dakwaan bahawa TH akan mengalami defisit RM3.09 bilion jika pendeposit mengeluarkan simpanan mereka adalah sebenarnya kerugian tidak nyata yang tidak perlu ditolak daripada jumlah keuntungan pada tahun itu.

"TH tidak akan membayar bonus melainkan jika jumlah aset lebih tinggi daripada jumlah liabiliti bagi tahun berkenaan.

"Ini menunjukkan bahawa apabila TH membayar bonus, ia juga dapat memenuhi kewajipan terhadap pendeposit," katanya pada taklimat media mengenai kedudukan kewangan TH di sini semalam.

Johan berkata, seperti yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan TH 2015, jumlah simpanan bersih TH iaitu jumlah aliran masuk deposit ditolak semua pengeluaran adalah berjumlah RM4.97 bilion pada 31 Disember 2015.

Menurut beliau, TH berada dalam kedudukan yang baik untuk memenuhi semua kewajipannya jika perlu memandangkan aset boleh direalisasi kan berjumlah RM64.74 bilion.

"Malah, TH mencatatkan lebihan aset bersih bernilai RM1.44 bilion dalam tempoh yang sama.

"Kami menerangkan bahawa kami telus dalam pendedahan kewangan yang diterbitkan dalam Laporan Tahunan 2015 dan memberi tumpuan kepada perkara yang perlu untuk melaburkan sumber-sumber yang ada bagi memberi pulangan yang lebih bermakna kepada pendeposit.

"Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab, kami perlu menangani sebarang maklumat yang mengelirukan orang ramai kerana ini akan menyebabkan pendeposit mengeluarkan wang mereka dan hilang giliran untuk menunaikan ibadah haji seperti yang pernah berlaku sebelum ini," katanya.
- Bernama

